



2

## MAJLIS BANDARAYA IPOH

### ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2016

Rujukan : Bil ( 2 ) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

29 Januari 2016

Setiausaha Bandaraya  
Pengarah Kanan  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

#### SILING TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA 2016

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa lanjutan daripada Pekeliling Kewangan Bil 4/2011 - Tatacara Tuntutan Elaun Lebih Masa Anggota Majlis Bandaraya Ipoh dan Penjimatan Bagi Tuntutan Elaun Lebih Masa bagi tahun 2015 serta setelah mengambilkira perbelanjaan sebenar tahun 2015 dan pergerakan gaji tahun 2016, pihak Majlis telah menetapkan Siling Tuntutan Elaun Lebih Masa bagi setiap jabatan untuk tahun 2016 adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Setiap Ketua Jabatan perlu memastikan tuntutan Elaun Lebih Masa jabatan masing-masing adalah terkawal dan mematuhi semua prosedur yang telah ditetapkan terutama dalam menentukan tuntutan yang dibuat tidak melebihi siling peruntukan yang telah diberikan.

4. Peruntukan tahunan yang diberikan kepada setiap jabatan adalah muktamad dan tambahan peruntukan hanya akan dipertimbangkan bagi keperluan mendesak sahaja. Bagi Jabatan yang menghadapi masalah peruntukan, perancangan perlu dibuat daripada peringkat awal supaya tuntutan Elaun Lebih Masa diganti dengan Cuti Rehat.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"CINTAILAH BANDARAYA IPOH"**

(**DATO' ZAMRI BIN MAN**)  
Datuk Bandar Ipoh

Unit Belanja – B4/2/25/13 Jld 2

**"PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI"**